


Dato' Orang Kaya Mempasir Sitiawan,
(Dato' Mansor bin Gampam)
Penghulu Luak Gunung Pasir,
71550 Sri Menanti, N.S.

*Adat Yang Diamalkan
Di Luak Gunung Pasir.*

OLEH .

MANSOR GAMPAM - DATO' .



Risalah kecil ini disusun pada lah bertujuan untuk menunjuk kan atau menerangkan peraturan Adat Perpatih yang diuca dan dipakai didalam daerah Kuala Pilah am nya dan didalam Luak Gunung Pasir khas nya mengikut cerita orang tua tua yang telah didengar lebih lima puluh tahun dahulu yaitu dari- pada aruah aruah:-

- (i) Ayah dan Ibu To'Pelindih Gampam dan Salbiah bt Lajis
- (ii) Bekas bekas Buapak Tanah Datar:-
 - To'Lela Perkasa Tasin bin Jaaman,
 - To'Raja Menteri Lani bin Maaris,
 - To'Raja Menteri Abdul Ghani bin Jasi;

Selain daripada itu dipetek juga dari buku buku sejarah:-

- (i) Papers on Malay Subject, 1920 oleh R.O. Winsted dan J.E.Nathan,
- (ii) The Malayan Branch of the Royal Society, 1936 (petekan daripada kerapatan Penghulu Penghulu dan Lembaga Lembaga Luak Tanah Mengandung) oleh J.J.Shiehan MCS dan Abdul Aziz MAS,
- (iii) Asal Usul Adat Perpatih oleh Abdul Ghani bin Abdullah susunan dalam tahun 1962,
- (iv) Arkib Negara Malaysia, dan
- (v) The Customary Land Enactment 215.

Dengan tertulis nya risalah ini maka ada lah diharap kan pemegang pemegang adat dapat menyelaras kan kepada adat yang sebenar kerana didapati dikebelakangan ini banyak peraturan adat sedikit sebanyak berubah tidak mengikut adat sebenar berkemungkinan pemegang pemegang adat tidak memahami adat sebenar kerana tidak mahu bertanya kepada orang yang benar tahu kan adat akan tetapi disebalik nya tertiru tiru atau pun kok bertanya kepada salah orang yaitu orang yang jahil kan adat.

1. Pengenalan	1
2. Tanggung Jawab Penghulu Luak	2 - 3
3. Peraturan dan Tanggung Jawab Lembaga & Besar Waris	4 - 5
4. Peraturan dan Tanggung Jawab Buapak & Tua Waris	7 - 8
5. Orang Semenda dengan Tempat Semenda	9
6. Pegawai Sembilan Puluh Sembilan	10
7. Peraturan Nikah Kahwin:	
(a) Pinang Meminang	11
(b) Waktu Nikah/Upacara Nikah (perkahwinan).	11
(c) Mas Kahwin	12
(d) Kadar Baru Mas Kahwin Luak Gunung Pawir.	13 - 15
(e) Sembah Menyembah (Menyalang)	12
(f) Harta Dapatan/Harta Pembawaan	12
(g) Harta Carian.. . . .	12
(h) Melari kan Perempuan	12
(i) Bersalah salah	12
(j) Nikah Hukum	12
(k) Kahwin Dua (Bermadu)	12
(l) Nikah Luar Adat	16
(m) Nikah Kahwin yang dilarang oleh Adat	16
(n) Berceraai Laki Isteri	16
(o) Kematian Lelaki/Isteri.	17
(p) Menyelamat kan Kematian	17
(q) Kematian Meninggal kan anak	17
8. Peraturan Adat Tanah Pesaka	17
9. Peraturan Menarek Anak Perempuan	18
10. Senarai Kahwin Sesuku yang di boleh kan (1920)	19
11. Peraturan Menjalan kan Syariat Ugama didalam Luak Penghulu	20
12. Lain Lain Perkara:	
(a) Keluar Suku	20
(b) Masuk Suku	20
(c) Anak Dagang	20
(d) Anak Dagang Berniaga	20
(e) Ganti Tikar	21
(f) Kematian Dato' Lembaga.	21
(g) Sedekah Mati.. . . .	21
13. Adat yang tiada dipakai lagi:-	
(a) Perlantekan Pawang:	22
(b) Mudin dan Bidan	22
(c) Menyembelih Kerbau	22
(d) Melenggang Perut	22
14. Ungkapan:	
(a) Senikata Maminang:	
(i) Pembukaan	23
(ii) Menghantar Cincin	23
(iii) Jawapan dari Pihak menanti	24
(iv) Mengembang Cincin	25
(v) Jawapan pihak Buapak	25
(vi) Mejemput Pengantin	26
(vii) Buapak mengisi Adat	27
(b) Menjemput Suami yang Kematian Isteri	28
15. Perkahwinan Dato' atau anak Lembaga	29
16. Upacara Berkedin	29
17. Upacara Memunggah Inai	30



Adat yang diamal kan. Ada pun Adat yang di uca dan dipakai yang ditentu kan oleh nenek moyang dahulu 'cincang pampas, bunuh beri balas. Anak dipanggil makan anak buah dosorong kebalas. Adat bersendi kan hukum, hukum bersendi kan syarak, syarak bersendi kan Kitabullah, maka berdiri lah Adat yang sebenar Adat yaitu teradat, adat yang diadat kan, adat resam dah adat sekehendak hati.

Asal kata sejak perbilangan, tau nan kecil dek nan godang, tau nan godang dek nan tua, Tatkala buloh belah ditanam, besi berdenting, puntung berasap segentay hitam gagak puteh nenek gadis dato' bujang sezaman itu lah terbit nya adat semenda menyemenda. Kemudian negeri dah lebar, orang dah ramai, adat bertentay, bilangan beratur, duduk didalam suku bersuku, kok pandang kahilir batang ta' melintang, kok pandang kahulu puchuk ta' terhampar maka diada kan adat semenda menyemenda.

Duduk didalam Alam beraja, duduk berpenghulu berluak, duduk dalam suku bertua yaitu berlembaga dan berbuapak. Lembaga memegang Adat, Besar mengekahi, Buapak beradat dan anak buah berserta waris pesoko mematuhi.

Hidup berpeuntungan mati bergemulah,. Hidup dikandung adat mati dikandung tanah. Duduk didalam anak buah semenda menyemenda. Tempat yang baru mengada kan ipar lama dan yang dah lama mengada kan anak pinak. Orang semenda diberi mandat membela kampung halaman yang sesudut, sawah dan ladang memerintah disekeliling bendul yang empat. Mana yang ada dibela pelihara, ta' ada dicari dan yang telah ada ditukuk tambah.

Adat satu pesaka datar, berumpuk sorang satu bertuan masing masing. Kalau gaduh dihulu, dihulukan; gaduh dihilir, dihilir kan; gaduh ditengah sama sama dihimpuni. Kabukit sama didaki, kalurah sama sama dituruni. Cicir sama rugi, untung dapat sama sama laba, semalu sahina sa'aib sesopan.

Adat ada lah bertangga naik berjajar turun:-

Raja memerintah Alam, Penghulu memerintah luak;
Lembaga memerintah suku, Besar memerintah waris;
Buapak memerintah anak buah, Anak buah memerintah
Orang Semenda; dan
Orang Semenda memerintah waris pesoko iaitu anak
dan isteri nya.

Pantang Ada ada lah Chelaka, Berhaka dan Dahaga dahagi.

Melanggar Adat/Malangkahi Adat:-

Ta' patah ti'ek, ta'pekong jingkat, ta' buta welek.
Hidup ta'berpelihara mati ta' ditanam. Kalau dimisal
kan ada lah saperti pokok kayu 'keatas ta' berpucuk,
kabawah tidak berurat, ditengah tengah makan kumbang atau
saperti 'kepala tiang kabawah, kaki tiang keatas.
Beranak tidak berkepela, kalaut tumpah karam, kadarat
sial bakar'.



Penghulu Luak Gunung Pasir, dan Tanggung Jawab nya.

Penghulu Luak Gunung Pasir telah ujud hampir 300 tahun dahulu setelah peneroka asal berkembang biak terdiri suku suku Tanah Datar, Tiga Batu dan Sri Lemak Minangkabau dengan diketuai oleh saorang ketua bagi suku masing masing. Walaupun suku Tanah Datar dikurnia ken satu Cop Mohor oleh Sultan Sri Mahaya diRaja ibni Sultan Abdul Jala Muadzam Shah dari Batu Sangkar yaitu Ibu Negeri Luak Tanah Datar akan tetapi tidak dimashur kan atau dihebah kan.

Penghulu Luak Gunung Pasir telah berbelar setelah dilantek bermacam macam jenis. Pada awal nya ia dikenalli sabagai To' Pengulu sahaja. Selepas itu dikenalli To' Penghulu Mempasir kemudian itu pula dikenalli Orang Kaya Mempasir, Penghulu Luak Tanah Mengandung setelah alam beraja.

Semasa Penghulu Luak Luak Sungai Ujung, Jelebu dan Rembau tidak lagi mengiktiraf Yam Tuan Sri Menanti maka mereka telah mengelar kan diri mereka sabagai Undang dan memerintah Luak masing masing, sahingga teretetus pula perang di Bukit Putus dalam tahun 1874. Pada 22.11.1876 berlansung lah pula satu perjanjian diantara Yam Tuan Antah dengan Penghulu Penghulu Luak Johol, Inas, Ulu Muar, Jempul, Terachi dan Gunung Pasir yang mana menyata kan ikrar ta'at setia serta mengaku kedudukan Yam Tuan Antah sabagai Yam Tuan Sri Menanti ada lah sah. Dengan itu pula satu Cop Mohor telah dikurnia kan kapada setiap Penghulu Penghulu Luak Tanah Mengandung maka bergelar lah pula Penghulu Luak Gunung Pasir sabagai Orang Kaya Mempasir Sitiawan. Pada 29.4.1898 satu lagi perjanjian dibuat yaitu Penghulu Johol di iktiraf sabagai salah saorang Undang yang Ampat setelah memandang dari segi keadaan yaitu Johol ada lah satu satu nya luak tertua di samping Sungai Ujung, Jelebu dan Rembau. Pada 3.3.1933 semasa pemashuran Tuanku Abdul Rahman, Penghulu Penghulu Luak Tanah Mengandung iaitu Penghulu Luak Penghulu Luak Ulu Muar, Jempul, Terachi dan Gunung Pasir dipakai kan gelaran Undang Tanah Mengandung sepanjang kata Adat dan pesaka mendua kan pedang memancung dalam alam mendua kan keris penyalang dalam luak pantang adat dengan pesaka. Kemudian pada itu pula ada pen-tafsiran bahawa Penghulu Luak Tanah Mengandung itu dipakai kan Undang Tanah Mengandung ada lah pegawai kapada Yamtuan dan tidak boleh memakai gelaran Undang didalam luak nya masing masing Dalam pada itu ada jua masa nya dipakai dengan kehendak nya sendiri akan tetapi gelaran itu telah sama sekali pudar bagitu sahaja.

Tanggung Jawab Penghulu Luak.

Penghulu Luak Gunung Pasir ada lah merupa kan Pemerintah dan mempunyai kuasa tertinggi didalam luak nya yang mengandungi enam suku (lingkongan). Setiap suku diketuai oleh saorang Lembaga dan dibawah nya ada pula pegawai nya dengan gelaran Buapak dan Orang Besar dan mereka ini pula memerintah akan anak buah nya. Ketua bagi orang Tanah Datar ada lah Besar Waris yang mana kedudukan nya setaraf dengan Lembaga Lembaga yang lain lain. Perbilangan Adat mengata kan 'Lembaga memerintah suku, Besar memerintah waris. Waris berkenaan ada lah Waris Penghulu.

Penghulu berkuasa mengesah kan perlantekan mana mana Lembaga yang baru dilantek. Sah batal perlantekan Lembaga yang baru ada lah ditangan Penghulu. Penghulu juga berkuasa memecat Lembaga nya sekira nya didapati Lembaga membuat kesalahan tertentu. Walaupun demikian pecat memecat itu hendak lah dibawa kepengetahuan Yam Tuan.

Penghulu berkuasa jua menjatuh kan hukuman atas kesalahan yang tidak dapat diselesai kan oleh Lembaga dan Buapak. Penghulu ada lah merupa kan tempat bagi Ketua ketua Adat saperti Lembaga dan Buapak bagi merujuk atau mengadu atas perkara perkara yang tidak dapat diselesai kan oleh nya.

Penghulu juga memainkan kan peranan sabagai pendamai masyarakat didalam luak nya. Ia saharus nya tidak akan hilang punca dalam menghadapi sesuatu masaelah dan misti lah berdiri atas kebenaran supaya tidak berlaku perasaan tidak puas hati dan dendam bak kata 'kata Penghulu kata pendamai, berjalan hendak lah lurus, berkata hendak lah benar dan menghukum hendak lah adil'.

Penghulu misti lah bersikap 'ada mata, pandang; ada telinga, dengar'. Didalam masyarakat, muafakat ada lah sangat diutama kan Penghulu hendak lan senantiasa berunding dengan Lembaga dan Buapak bersama Alim Ulama, Lubalang, cerdik pandai untuk mencari penyelesaian atas apa apa masaelah dan bagi panduan hidup. Ada juga masaelah yang dirujuk kan kapada ketua ketua yang telah ditetapkan kan kuasa nya. Sekira nya masaelah timbul didalam lingkungan anak buah maka tempat mengadu ada lah kapada Buapak. Jika masaelah itu melibat kan anantara satu satu suku yang berlainan perut dirujuk kan kapada Lembaga dan jika melibat kan antara sesuatu suku didalam Luak maka rujukan ada lah kapada Penghulu. Sebarang kesalahan dan penyelesaian yang ta'dapat diselesai kan oleh Buapak dan Lembaga akan dibincang kan dalam Kerapatan Lembaga. Selalu nya diada kan diBalai Penghulu Luak.

Penghulu memainkan kan peranan penting juga didalam Istana saperti Nikah Kahwin, Kematian dan Pertabalan. Tiap tiap tiga tahun sekali Penghulu bersama Penghulu Penghulu Luak yang lain ka Istana untuk menyempurna kan adat istiadat mengadap Yam Tuan dengan di iringgi oleh Dato' Dato' Lembaga. Ada kala nya Penghulu mengadap apabila keadaan memerlu kan.

Penghulu tidak ada memainkan kan peranan dalam adat istiadat perkahwinan didalam luak nya. Sekira nya dijemput ka majlis perkahwinan masyarakat ia nya hendak dimulia kan setaraf dengan darjat nya. Semasa mejemput hendak lah dengan membawa Tepak sireh. Hidangan jika diserambi rumah ada lah Jambal Tunggal bertudung saji berlapik dan alas pinggan tempat makanan nya ada lah peminggan berkaki.

Dato' Orang Kaya Mempasir Sitiawan,
(Dato' Mansor bin Gampar)
Penghulu Luak Gunung Pasir,
71550 Sri Mananti, N.S.

Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir dan Tunggung Jawa' nya.

Adat Perpateh mengandungi peraturan pentadbiran hidup yaitu bermasyarakat, berpolitik serta pentadbiran bercorak demokrasi. ~~xxxxxxxx~~ Konsep ini jelas tertera dalam ungkapan adat,

'Bulat ayer kerana pembetong,
Bulat kata kerana meaf kat,
Ka gunung sama didaki, kalurah sama di turuni,
Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama sama dicecah.

Ini lah konsep yang menjadi pegangan masyarakat adat apabila melantek saorang pemimpin adat maka dengan ini apabila hendak melantek sasaorang Dato' Lembaga tidak terkecuali dari konsep ini.

Didalam Luak Gunung Pasir terdapat enam Dato' Lembaga dan saorang Besar yang memereintah waris yaitu waris Penghulu setaraf dengan kedudukan Lembaga. Sabelum terlantek nya saorang Lembaga ada lah menjadi satu kewajiban ahli ahli dalam satu satu suku itu ber-muafakat dan berunding untuk menentu kan siapa yang benar layak. Bak kata 'Bulat kata kerana muafakat' maka disini kena lah diberi perhatian yang wajar untuk mengelak kan sebarang perkara yang buruk seperti perasaan tidak puas hati atau perbalahan dalam suku dan dendam mendendam.

Proses perlantek kan Dato' Lembaga. Buapak memainkan kan peranan penting dalam proses memilih calon, beberapa kriteria atau sifat yang ada pada diri calon patut diambil kira kerana tiap tiap Lembaga yang akan dipilih saharus nya daripada saorang berpela-jaran diatas adat resam negeri serta baik tingkah laku nya dan mempunyai saka dari keturunan yang baik baik juga, beristeri kan perempuan didalam luak dan tinggal didalam luak. Orang yang jahil dalam adat jangan dipilih walaupun singgah geleran nya. Sekira nya akibat nya akan membawa kerosakan yang susah diperbaiki umpama tilus membaiki labu. Jauh kan ibarat puar condong ka perut. Kesemua ini perlu diambil kira dan dibincang kan dalam satu perjumpaan yang akan dipengerusi kan oleh Buapak. Sabelah semua faktor di ambil kira dan dipersetujui baru lah Buapak mengisytiharkan Dato' Lembaga yang baru. Sekira nya terdapat ramai calon yang menawarkan diri untuk menjadi Lembaga maka cara undi akan di jalan kan oleh anak buah dari suku berkenaan sahaja. Calon yang banyak mendapat undi akan diisytihar kan menjadi Lembaga. Pada masa dahulu perhiapunan untuk melantek Lembaga dibuat dirumah besaka calon itu sendiri akan tetari kerana saorang anak anak buah semakin ramai maka pengisytiharan dibuat di Dewan sekolah. Mungkin tidak lah semua anak anak buah akan dapat hadir tetapi hanya yang berkesempatan sahaja. Buapak semesti nya hadir, disamping itu pula Pegawai Daerah sebagai wakil Kerajaan Negri dan Ketua Penyelia Adat Kuala Pileh turut hadir.

Apabila Lembaga telah dilantek maka didiri kan satu Istiadat dirumah ibu nya atau dirumah saudara perempuan; maka rumah itu dinamakan Telapak Lembaga. Pada masa itu ditentu kan upacara adat Lembaga serta diadakan adat serah menghantar oleh Buapak serta anak anak buah. Perlantekan Lembaga misti lah mendapat restu dari Dato' Penghulu. Sah batal perlantekan saorang Lembaga ada lah di tangan Dato' Penghulu dengan mengadakan satu acara mengadakan di Balai Dato' Penghulu. Kemudian daripada itu diada kan adat istiadat dirumah isteri nya untuk menentu kan tempat tinggal dirumah isteri nya dimana rumah dinamakan Telapak Lembaga. Kedatangan Lembaga karumah atau suku isteri nya selepas dilantek akan di-sambut dengan secara adat dan saorang kurang nya menyambel sakor kambing untuk lauk khenduri. Lembaga dan Buapak suku isteri nya turut sama dalam majlis tersebut. Dibelah rumah di-atur Payung bertirai, Panji-panji (tongkol dan serurl), keris dua bilah, pedang dua bilah, membalut tiang dengan kain warna warni bedi lelamat empat das. Tempat duduk dipangkal serambi yang di-hiasi dengan tabiz lelangit, tilam bujur dan bantal rangka setzingkat. Anak anak buah dalam suku isteri nya akan datang mengahat

sembah dengan mengenggan dua tapak tangan diangkat setakat dada sahaja. Adat istiadat ini dipakai oleh Lembaga suku yang tua dan lain-lain Lembaga kurang adat nya tambahan pula tidak mempunyai alat kebesaran. Lelamat akan dipasang pada hari jadi ny dan dilain lain istiadat nya.

Lembaga semasa kenduri kendara dimana mana rumah didalam suku isteri nya tidak lah boleh disuruh arah seperti orang semenda yang lain-lain. Ini lah penting nya upacara adat diada kan semasa kedatangan Lembaga sejak awal lagi agar beliau dikenali oleh anak anak buah. Isteri nya juga tidak boleh disuruh arah seperti memasak nasi, mengangkat ayer dan sabagai nya semasa kenduri kendara. Sunggu pun kedudukan Lembaga begitu istimewa didalam suku isteri beliau juga berkuasa didalam suku nya sendiri. Walaupun demikian beliau boleh mengeluarkan kan pendapat sekira nya diajak berunding. Sesuai dengan kedudukan nya sebagai ketua adat yang dihormati beliau akan di sambut di halaman dan diringi apabila beliau datang dengan berjemput karumah anak buah nya. Ada lah dikata kan tidak tahu adat sekira nya anak buah mengajak nya dari atas rumah nya sahaja. Ketika hendak menjemput Lembaga dalam upacara adat seperti nikah kahwin, berkedin dan sabagai nya, orang yang menjemput hendak lah membawa epok.

Peranan & Tanggung Jawab Lembaga. Sungguh pun Lembaga itu sah batal nya ditangan Penghulu, Lembaga juga boleh menjatuh kan Penghulu sekira nya dipersetujui oleh Yam Tuan seperti kata adat 'yang dilantek boleh dipecat'. Walaupun demikian pemecatan itu misti lah berdasar kan sebab sebab yang menasabah pada adat. Lembaga akan menunjukan kesalahan nya dan jika sekira nya ia engkar dihukum mengikut pepatah adat. Orang beradat ta' tahu adat nya gugur lah pesaka nya. Lembaga berperanan mengiring Dato' Penghulu ka Istana apabila ada Adat Istiadat berjalan di Istana.

Lembaga merupa kan ketua bagi setiap suku akan tetapi maseh dibawah kawalan Dato' Penghulu. Didalam sistem Adat Perpatih kuasa setiap ketua sudah pun ditentu kan. Sesaorang itu tidak boleh menyerah kan kuasa kepada orang lain ataupun mengambil kuasa orang lain seperti mengacar meraba dilubuk orang. Adat mengata kan Alam beraja, Penghulu berluak, Lembaga berlingkungan, Bupak beranak buan, berumpuk saorang sah, bertuan masing masing. Harta orang jangan diambil, untuk kita jangan diberi.

Lembaga ada lah ketua adat mempunyai peranan dan kuasa tertentu seperti kata adat 'Lembaga menjaga adat, Besar mengkehil adat, Bupak beradat dan anak buak memakai nya. Dalam menjalan kan Adat, Lembaga misti lah teguh pada adat nya, biar mati anak asal kan jangan mati adat. Perbilangan ini bukan lah bermaksud yang Lembaga itu rela anak nya mati untuk mempertahankan kan adat. Sekian nya didapati anak nya sendiri did pati membuat kesalahan misti dihukum mengikut Adat dan tidak seperti 'limau masak sebelah, perahu karam sebelah, tiba kamata dipejam kan, tiba kaperut dikompis kan dan semesti nya 'tiba ka batang, batang rebah, tiba kedahan, dahan dahan patah dan tiba kaurat, urat rembang.

Didalam hal jenayah, Lembaga boleh menyelesaikan kan kes kan kecil seperti membuta kan mata, mematah tulang, memutus urat dan sabagai nya. Lembaga bertanggung jawab menjaga menjaga keselamatan dan keharmonian didalam suku nya. Perkara yang kusut misti lah diselesai kan dengan bijak umpam 'menarik rambut dari dalam tepung, rambut jangan putus tepung jangan berselerak. Memelu ular jangan mati, kayu pemalu jangan patah, tanah jangan lembab'. Kalau keruh di jerneh kan, kalau kusut di ari kan. Gaduh dibulu, dibulu kan, gaduh di hilir, dihilir kan. Gaduh di tengah sama sama dihimpuani'.

Sebarang masalah yang tidak dapat diselesai kan oleh Bupak dibawa kehadapan Lembaga dan tidak dapat drselai kan oleh Lembaga dibawa kepada Penghulu. Kesalahan yang diselesai kan oleh Lembaga

memerlu kni penyembelahan saekor kerbau atau kambing mengikut besar kesalahan sebagai lauk kenduri penebus. Lembaga bertanggung jawab menetapkan dasar adat yang telah ditentukan oleh Penghulu kepada anak buah nya seperti yang telah sedia maalum bahawa dasar pemerintahan dan pentadbiran adat bertangga naik berjanjar turun'. Turun dari Istana yang tinggi hingga ke Balai yang panjang, mengerah sakalian Lembaga, mengebah sakalian Buapak segala anak buah nya. Ini bermakna yang dititah kan akan disampaikan kan kepada Penghulu, Penghulu akan menyampai kan kepada anak buah melalui Lembaga dan Buapak.

Perselisihan berlaku diantara suku, Lembaga perlu menyelesaikan nya. Kedua dua berkenaan perlu berunding untuk mencari penyelesaian 'kok mengerat biar sama panjang, kok menimbang biar sama berat dan kok membahagi biar sama banyak'.

Sebagai Ketua Adat, sekira nya ada perubahan dalam adat hendak dibawa didalam perundingan untuk mendapat kan persetujuan semua Lembaga didalam luak.

Didalam hal tanah pusaka, Lembaga berperanan untuk menyelesaikan kan segala masaelah dalam keluarga sebelum dibawa ke Pejabat Tanah kerana Lembaga tidak boleh dianggap sebagai saksi sahaja. Barang perlu di ingat, tanah pusaka tidak boleh diberi kan kepada yang bukan temat nya saumpama kepada anak angkat yang diambil daripada lain bangsa yang berketurunan darah Melayu pada hal anak buah waris pesoko masih banyak yang layak dan patut menerima nya.

Dalam hal lain Penghulu berkuasa disebalek Kea'adilan untuk melantek Pemangku Lembaga sekira nya didapati Lembaga tidak dapat menyempurna kan tanggung jawab nya kerana udgur, cacat akal, patah tiak dan meninggal kan daerah.

Dato' Orang Kaya Mempasir Sitiawan,
(Dato' Mansor bin Gampam)
Penghulu Luak Gündung Pasir,
71550 Sri Menanti N.S.

Buapak dan Tua Waris (Orang Besar Suku).

Buapak itu ada lah gelaran saorang ketua didalam suku. Apabila hendak menjadi kan Buapak hendak lah dengan kebulatan anak anak suku didalam suku berkenaan. Maka setelah berkebulatan melantek saorang Buapak akan dihantar kepada Lembaga dan disembah ken pula kepada Penghulu. Sesudah perlantekan maka pada satu hari ditetapkan untuk mengadakan upacara menyembah Buapak. Pada hari itu dibawa bersama barang barang persembahan seperti wajik penganan, tepah sireh (epok sahaja) dan nasi pulut kuning. Selepas upacara menyembah baharu lah diberi tahu perlantekan itu kepada Lembaga. Sah batal perlantekan Buapak ada lah ditangan Lembaga. Buapak setelah di lantek boleh dipecat sakira nya didapati melaku kan kesalahan adat. Pemecatan ini ~~maka~~ dibuat oleh anak buah dan disah kan oleh Lembaga.

Ada pun tugas Buapak itu ada lah di bawah kawalan Lembaga. Buapak hendaklah atau sepatut nya memerintah anak buah dengan bijak seperti yang kusut diselesai kan dan yang keruh dijerneh kan dan apa apa hal yang tidak boleh diselesai kan hendak lah dibawa dan disampaikan kepada Lembaga.

Perkerjaan Buapak pada masa memdirikan istiadat ada lah seperti berkayu berakar, tungku bercakak, kerbau ditambang, beras dibasuh, inai di andan, orang dipanggil. Apabila semua nya siap disembah kan kepada Lembaga seperti kata nya 'terpelanggung nak jatuh, terbengkalai nak pudah' Lembaga yang punya. Maka didalam tiap satu suku, dipilih beberapa orang bergelar Tua Waris dan perkerjaan nya menurut perintah Buapak dan boleh juga membuat perkerjaan Buapak jika dibenar kan. Pada masa mendirikan Istiadat Penghulu atau Lembaga Tua Waris ini menjadi Juak yaitu menjadi ganti kakitangan waris suku nya. Orang yang memegang tugas itu mendapat kebebasan pada masa hari itu.

Sesuai dengan ta nggung jawab nya sebagai ketua kepada anak buah nya, beliau harus lah menyelesaikan masalah diantara anak buah nya. Sekira nya masalah itu besar dan diluar bidang kuasa nya ia hendak lah mengadu kepada Lembaga nya. Sesaorang anak buah yang mengadu kepada Lembaga tanpa melalui Buapak dianggap 'melangkahi Buapak'.

Buapak banyak memainkan kan peranan penting dalam soal nikah kahwin. Apabila sesebuah keluarga hendak mengada kan kenduri kahwin Buapak tidak pernah ketinggalan atau tidak dijemput sama. Dalam soal nikah kahwin lazim nya Buapak menerima segala Mas Kahwin bagi pihak keluarga perempuan. Segala harta pembawaan serta dotatan hendak lah di jelas kan di hadapan nya, beliau juga berperanan dalam soal nikah kawin yang tidak berkelamin.

Menjemput Buapak terbahagi kepada car, yaitu 'Menjemput Buapak atau menjemput nama sahaja'. Selalu didalam upacara beradat mistilah dijemput dengan membawa epok. Apabila sampai diromah tempat duduk dipangkal serambi bertilam bujar, bantal bersusun, tabir laklakit, tikar berompok dan Peminggan.

Sekira nya terdapat kedilapan dari segi biduan dan sebagai nya maka Orang Jemenda hendaklah mengambil sireh peminangan dengan meminta maaf sambil berkata 'terlintas kepala ledang, terbijak bonang arang, dah salah saya pada Dato', maaf lah dah lama ta' buat dah lupa'.

Setelah selesai kenduri, Buapak akan dibekal kan dengan pulut kuning, bunga telur dan lauk pauk.

Sekiranya Orang Semenda tidak berbuat demikian maka kesilapan atau kesalahan Orang Semenda boleh dihukum.

Hukuman atau pun denda diatas sesiapa yang membuat kesalahan didalam adat ada lah seperti berikut:-

Orang Semenda bersalah pada Tempat Semenda	denda nya	0.90
Anak Buah bersalah kepada Buapak ..	denda nya ..	\$3.50
Anak Buah bersalah kepada Besar ..	" ..	5.00
Anak Buah bersalah kepada Lembaga ..	" ..	7.00
Anak Buah bersalah kepada Penghulu ..	" ..	14.00

Hukuman saekor ayam, kambing atau pun kerbau boleh dijatuh kan mengikut tingkat besar kesalahan nya, Kadar yang tersebut diatas ada lah kadar yang dahulu. Buat masa ini kadar pertukaran wang ringgit telah naik lebih empat kali ganda.

Cara Membilang dan Menghitung Mata Wang semasa dahulu ia lah:

Esas atau sa ..	Satu
Semaru ..	Dua setengah sen (2½)
Sekenari ..	Tiga sen
Saperak ..	Enam sen
Suku Muda ..	Dua belas sen setengah (12½)
Suku Tua ..	Dua puluh lima sen
Sarupiah ..	Tiga puluh sen
Empat suku tua atau Sarial - Saringgit	
Sepanara ..	Empat belas ringgit
Enam puluh kupang	} Lima puluh delapan ringgit dan enam puluh sen
Sagantang salang	
Satahil, Sapeha, Sakocek,	
Salengan Baju	

Bunga Telor ada lah sangat bermahua kepada tuan rumah semasa di ada kan kendara kendara. Tangkai nya yang di berbuat dari bilah yang di perbuat dari buluh menanday kan salam hormat kepada sanak saudara yang tidak dapat hadir, Bunga yang diperbunt dari kertas yang berwarna warni menunjuk kan berapa riang hati tuan rumah kerana kehadiran para tetamu, Telur menunjukan padi dan tanaman menjadi dan Pulut Kuning sekepal merupa makanan mewah. Buat masa gekarang ini pemberian telur ayam rebus tidak ada memberi makna ha nya sakadar menunjukan tanda pulang dari Jemputan sahaja.

Dato' Orang Kaya Mempasir Sitiawan,
(Dato' Mansor bin Gampam)
Penghulu Luak Gunung Pasir,
71550 Sri Menanti, N.S.

Orang Semenda dengan Tempat Semenda.

Apabila seseorang lelaki berkahwin ka dalam satu satu suku maka si lelaki itu masuk kepada sifat Orang Semenda dan sebelah isteri nya pula dikenali Tempat Semenda. Isteri nya itu pun ada lah Orang Semenda juga pada pihak saudara si lelaki akan tetapi tiada lazim lagi diadat kan kerana mengikut Adat Pepateh lelaki itu tinggal di rumah isteri nya. Selepas perkahwinan maka diberi oleh Tempat Semenda nya akan kedua laki isteri itu harta, kampung, sesudut, sawah yang selopak sebagai tapak permulaan untuk mencari rezeki dan harta yang diberi itu tidak boleh dijual atau digadai dengan tiada kebenaran Tempat Semenda nya. Jika dijual atau digadai harta itu dengan tiada kebenaran Tempat Semenda nya ada lah salah dari segi adat dan boleh di hukuk oleh Tempat Semenda nya dengan memberi jamuan.

Orang Tempat Semenda berhak merasa hasil tanaman di atas Tanah Pusaka ibu nya, sungguh pun demikian ia nya sapatut nya meminta izin daripada Orang Semenda kerana Tanah Pusaka itu Orang Semenda menjaga nya.

Kedudukan Orang Semenda dengan Tempat Semenda itu ada lah seperti mentimun dengan durian, menggolek luka, kena golek pun luka. Orang Semenda ibarat kan disuruh pergi, dipanggil datang kerana kunci didalam Orang Semenda itu ada lah Tempat Semenda. Mereka tidak boleh berbuat sesuka hati. Adat berkata 'tempat orang kita monyok, tempat sendiri kita godang. Kalau hendak beraja dihati belok ka tempat sendiri'. Anak lelaki Orang Semenda dianggap Tempat Semenda apabila sudah besar seperti mana perbilangan 'kecil anak, sudah besar Tempat Semenda. Walaubagai mana pun hubungan anak dengan bapa tetap berjalan dengan erat.

Orang Semenda mesti lah menyara anak isteri nya sesuai dengan taraf nya sebagai ketua keluarga. Anak anak dari kecil tapak kaki nya selebar dua jari, diambil dipangku, dibuai dinyanyi kan apabila sudah besar disuruh belajar dan mengaji sahingga berumah tangga adalah tanggungan bapa nya.

Orang Semenda tidak berhak campur tangan kaatas keluarga Orang Semenda dalam hal hal peribadi. Ini sesuai dengan perbilangan Adat yaitu 'bendul yang apat Orang Semenda yang penya'. Walau pun Orang Semenda bertindak kertelaluhan terhadap anak isteri nya seperti memukul hingga luka atau patah maka terpaksa lah Orang Tempat Semenda masuk campur, Orang Tempat semenda tidak boleh menegur perbuatan Orang Semenda dengan sewenang wenang nya kerana ditakutkan nanti bertambah buruk.

Orang Semenda mempunyai peranan mengikut kebolehan yang ada pada nya. Orang Semenda tempat semenda, jika cerdik teman berunding, jika bodoh disuruh arah. Tinggi banir tempat berlindung, rimbu lahan tempat bernaung. Orang semenda pergi kerana disuruh, berhenti kerana ditegah. Jikalau kuat dibunuh lam dipangkal kayu, jikalau bingung disuruh arah, menjemput nang jauh, mengampung nang dekat. Jikalau cerdik teman berunding, jikalau Alim endak kan doanya. Jikalau kerja hendak kan emas nya, jikalau patah menghalau ayam, jikalau menghembus lesung, jikalau pekal membakar bedil, jikalau berani dibuat kepala lawan.

Ada pun Orang Semenda itu merupa kan satu kumpulan Beresam dan Orang Tempat Semenda itu dikenali sabbagai seadat. Orang Semenda itu mempunyai kedudukan yang sama seperti kata adat 'malu seorang malu semua, mulia seorang mulia semua nya'. Mereka juga akan di hormati oleh Tempat Semenda kerana umur dan pengalaman nya.

Perlu juga di ingat bahawa Orang Tempat Semenda juga merupa kan Orang Semenda. Didalam suku isteri nya dia adalah Orang Semenda pula. Oleh itu soal tinda meninda tidak timbul sama sekali.

Orang Semenda terbahagi kepada lima kumpulan:

- (i) Orang Semenda Sahaja. Ini bermaana lelaki tersebut bersemda dengan sesuatu suku akan tetapi mereka tidak mengembang kan ahli suku. Mereka dikata kan begitu kerana perlakuan mereka tidak menghasilkan anak;
- (ii) Orang Semenda Bapa Budak: Ini ada lah Orang Semenda yang tidak banyak menyumbang kepada suku akan dia dapat mengembang kan ahli suku;
- (iii) Orang Semenda Langau Hijau: Ini ada lah Orang Semenda yang meninggal kan isteri nya ketika mengandung dan juga yang menghamil kan perempuan ahli suku isteri nya;
- (iv) Orang Semenda Kumbang Jantan: Ini ada lah Orang Semenda yang ha nya mengecap madu isteri dan menghabiskan harta isteri nya; dan
- (v) Orang Semenda Alas Tempat Semenda: Mereka ini ada lah dianggap dapat menguatkan kedudukan suku. Maka jenis Orang Semenda ini lah yang di harap harap kan bak kata 'yang ada dibela pelihara, yang ta'ada dicari dan yang telah ada ditukuk tambah'.

Jika seseorang Orang Semenda hendak mendirikan Adat Istiadat kenduri nikah kahwin atau apa apa perkerjaan berkenaan dengan Adat maka hendak lah ia memberi tahu Orang Tempat Semenda nya terlebih dahulu dan jika tidak ia boleh dihukum oeh Orang Tempat Semenda nya. Maka pada masa memasang Adat, dijemput orang Tempat Semenda nya dan Buapak nya kerana mereka ini mempunyai hak di atas perkerjaan itu. Sekira nya ada perselisihan diantara laki/isteri dan kaum keluarga dengan orang lain maka hendak lah Orang Semenda menerangkan kan nya kepada Tempat Semenda supaya disiasat dan diselesai kan bak kata yang kusut diselesai kan dan yang keruh di jernih kan. Dan jika tiada habis oleh nya akan disampai kan kepada Buapph dan Lembaga nya.

Pegawai Sembilan puluh Sembilan. Ada pun yang dikata kan Pegawai Sembilan puluh sembilan itu ia lah pegawai yang telah terikat kepada kendilan. Gelaran mereka itu semata mata dikurnia kan oleh Yam Tuan dan gelaran nya itu ada didalam Ayer Kaki Linggaman dan tiap tiap suku dua belas dipertubukan seperti di Luak Mue Muar ada dua belas, di Jempul ada dua belas juga; enam di Luak Terachi dan enam di Luak Gunung Pasir, dan ada pulah di Remban, Inas, Gemencheh dan Ayer Kuning.

Pada pemilikan Orang Empat Istana, pegawai sembilan puluh sembilan itu seperti Lembaga iaitu tidak terlingkung oleh maafakat dan Ketua (Lembaga) atau Luak Penghulu, adat nya melingkong rumah sabuah untuk buah saorang. Akan tetapi Lembaga Lembaga tidak bersetuju sama sekali. Pada timbangan mereka luar perkerjaan istana maka pegawai sembilan puluh sembilan itu tetap orang semenda pada tempat semenda nya maka hendak lah ia mengikut ketua nya berkenaan dengan Adat.

Peraturan Adat Nikah Kahwin.

Pinang Meminang. Bahawa jika sasaorang lelaki hendak kahwin, terlebih dahulu dipisit kan dekat rumah dekat kampung perempuan yang dikehendaki nya itu. Kemudian daripada itu berjumpalah sabelah lelaki dan sabelah perempuan. Maka apabila bertemu dipakat kan antara kedua belah pihak. Maka adat nya hendak lah sabelah lelaki memberi sabentuk cincin kepada sabelah pihak perempuan itu sebagai tanda tanya kepada ibu bapa nya supaya cincin itu ditunjuk kan kepada orang Tempat Semenda dan Orang Semenda nya. Jika esa sekata diterima cincin itu , jika ~~esa~~ esa ta' sekata dipulang kan cincin balek kepada sabelah lelaki itu.

Apabila cincin sudah diterima dengan persetujuan tempat semenda oleh sabelah pihak perempuan maka janji pun dibuat diantara kedua dua pihak. Jikalau elah sabelah lelaki didalam perjanjian nya itu maka cincin itu ada lah dianggap sabagi luncur dan jika sabelah perempuan elah maka cincin itu dikembali kan kepada sabelah pihak lelaki berganda menjadi kan dua bentuk cincin.

Setelah semua berjalan lancar maka ada majlis pertunangan akan diada kan pula. Besar kecil nya majlis tersebut tergantung kepada kemampuan atas kedua belah pihak. Pihak lelaki akan menghantar rombongan karumah pihak perempuan dengan membawa cincin pertunangan (dua bentuk bagi suku Tanah Datar sahaja) serta sireh pinang. Selain dari itu pihak lelaki juga akan membawa barang barang hantaran yang diletakan diatas dulang berkaki. Banyak nya barang barang itu bergantung diatas kemampuan, atau hajat masing masing dan sabelah pihak perempuan akan membalas dengan melebihi daripada pihak lelaki.

Setelah tamat tempoh bertunang, maka upacara perkahwinan pula akan diada kan. Biasa nya sabelum hari perkahwinan itu diada kan satu upacara yang dinamakan mengembang cincin dilaku kan oleh pihak perempuan. Lagim nya upacara in dilaku kan seminggu atau dua minggu sebelum hari perkahwinan. Upacara mengembang cincin dilaku kan semasa majlis berkumpul diada kan. Tuan rumah akan menjemput kaum keluarga terdekat dan jiran jiran terdekat. Bagi pihak lelaki majlis berkumpul juga turut diada kan akan tetapi tiada upacara mengembang cincin.

Setelah terkumpul nan dekat yang jauh pun dah sampai termasuk Buapak bagi pihak perempuan duduk di bahagian pengkal serambi bercerta yang seadat maka Orang Semenda akan keluar membawa cincin tanya dan cincin tunang untuk ditunjuk kan kepada semua orang ramai laki laki dan perempuan. Cincin tersebut akan di kemukakan kepada Buapak dengan bersopan santun berkata seperti ungkapan kata kata adat terlebih dahulu dan Buapak akan menghibah kan dan menghulur cincin tersebut dari seorang ka saorang. Istiadat ini lah yang dinamakan mengembang cincin.

Setelah istiadat mengembang cincin selesai yaitu ono sekata maka cincin tersebut dibawa kedalam untuk diserahkan kepada ibu bapa perempuan kembali. Selapas itu diada kan satu upacara mendaki kon hari perkahwinan dan kerja, serta hari membuat wajak penganten disebelah perempuan sekiran nya diada kan istiadat menyandang selopas itu.

Melaku Nikah. Kemudian apabila sampai dihari kahwin maka dihantar Orang Semenda menjemput dengan membawa bujan/bok berisi dengan sireh berlipat serta dengan kelengkapan nya yang lain kepada sabelah pihak lelaki iaitu tanda menjemput silalah yang redi berkahwin serta dengan Mas kahwin nya karumah perempuan. Orang semenda berkenaan akan berhadapan dengan Buapak sabelah lelaki dengan menghulur kan epok nya sabelum menyampai kan hasrat nya. Sekira nya pula ada Yang Mulia Dato'Penghulu atau anak raja hadir diatas rumah semasa menjemput pengantin itu maka epok itu hendak lah diserahkan kepada Yang Mulia itu sahaja dan kata kata ungkapan menjemput tidak dibaca lagi dibaca baca. Setelah diterima bujan epok, mas kahwin pun telah diersi maka turun laki lelaki itu

lelaki itu daripada rumah nya ke rumah perempuan serta di iringi oleh sanak saudara dan kaum kerabat nya. Apa bila sampai mereka disambut dengan hormat nya oleh sebelah perempuan, kemudian dinikah kan. Nikah kahwin tersebut ada lah dinama kan kahwin bermunafakat.

Mas kahwin. Mas Kahwin pada masa sekarang ini ada lah \$80.00 bagi suku Tanah Datar dan \$60.00 bagi suku suku yang lain. Sebelum pada itu ada lah \$48.00 dan sebelum pada itu pula \$20.00. Semanjak tahun 1951 diubah kepada \$28.00 pada hal dari dalam tahun 1904 mas kahwin ada lah \$7.00. Mas kahwin janda ada lah setengah daripada itu.

Sembah Menyembah. Maka adat nya selepas hari perkahwinan ada yang mengada kan adat ~~sembah~~ menyembah (menyalang). Lelaki dan perempuan pergi ke rumah ibubapa nya sebelah lelaki dengan di iringi oleh sanak saudara sebelah perempuan pula dengan membawa wajid dan penganan. Maka pada zaman dahulu diberi bokor sebanyak duabelas buah kepada ibu lelaki, delapan buah kepada mak sanak ibu, enam buah kepada saudara perempuan yang jauh. Apabila mereka itu belek ke rumah nya maka di isi pula bekas bokor itu oleh yang menerima dengan wang seberapa patut nya dan pada zaman dahulu diberi kambing atau kerbau buat pengisi bokor itu.

Harta pembawa dan Harta dapatan. Jika lelaki ada harta sendiri yang dinama kan harta pembawa dan hendak lah ia menorang kan kepada Tempat Semenda nya serta Buapak dan Lembaga kedua pihak masa berkahwin itu. Maka jikalau perempuan ada berharta yang dinama kan harta dapatan dan hendak lah pula ia menorang kan kepada Buapak dan Lembaga kedua pihak. Maka harta pembawa dan harta dapatan itu tiada lah boleh dihabis kan; jika dihabis kan harta pembawa menjad i hutang kepada perempuan; jika harta dapatan habis akan menjadi hutang kepada si lelaki.

Harta Carian. Maka setelah sumbuwa nikah kahwin itu diberi kepada mereka lakibini itu oleh Tempat Semenda harta (jika ada) iaitu kampung nan sesudut; sawah nan selopak; rumah berkotak tangga sebagai permulaan mencari kehidupan dengan menyeru kan untung baik atau untung jahat nya; pepatah adat 'cicir sama rugi, d pat sama laba'. Maka jikalau ada tambahan harta nya itu dinama kan harta carian.

Kelari kan Perempuan. Apabila jikalau seorang laki laki membawa lari seorang perempuan beresah Tuan Kadzi maka hendak lah Tuan Kadzi itu memanggil ibu bapa sebelah perempuan iaitu Walinya supaya menyelesaikan kan adat pesaka iaitu mas kahwin dan sebagai nya. Apabila sudah selesai barulah di nikah kan.

Bersalah selahan. Shahadan lagi jika sa seorang laki laki merumah kan anak dara atau pun janda dengan tiada pengetahuan ibu bapa perempuan itu di salah kan mengikut adat dan teraksa di nikah kan. Nikah kahwin ini dinama kan bersalahan. Buat masa sekarang jarang jarang berlaku.

Mikah hulum. Maka didalam luk ini ada juga dibuat perkerajaan mikah hulum, iaitu apabila perempuan yang dipinang itu belum cukup umur nya lagi. Nikah seperti ini tiada lah perjumpaan diantara lelaki dengan perempuan, sekadar kan menyempurnakan hulum syara' sahaja dan persatuan nya di tangguh kan. Dengan peralihan seperti ini memang mengikut adat juga.

Kahwin Dua. Lelaki yang hendak berkahwin dua tidak dibenar kan dengan perempuan yang sama suku. Lelaki juga tidak digalakkan berkahwin dengan perempuan yang sama dengan suku bekas isteri nya, jika ia nya bercerai hidup. Walaupun ini bukan lah satu kesalahan yang besar, cuma kesalahan dari segi adat dan akan menjadi buah mulut orang.

Mas Kahwin Waris Tanah Datar Luak Gunung Pasir.

<u>1. Kahwin Biasa (Anak Dara).</u>	<u>Kadar Sekarang</u>	<u>Kadar Baru</u>
(i) Mas Kahwin	\$48.00	\$80.00
(ii) Pengiring Adat	\$40.00	\$44.00
Jumlah ..	\$88.00	\$124.00
	=====	=====

<u>2. Kahwin Biasa (Janda).</u>		
(i) Mas Kahwin ..	\$24.00	\$40.00
(ii) Pengiring Adat ..	\$20.00	\$44.00
Jumlah ..	\$44.00	\$84.00
	=====	=====

<u>3. Kahwin Bersalahan (Anak Dara)</u>		
(i) Mas Kahwin ..	\$80.00	\$320.00
(ii) Pengiring Adat ..	20.00	144.00
Jumlah ..	\$100.00	\$464.00
	=====	=====

<u>4. Kahwin Bersalahan (Janda).</u>		
(i) Mas Kahwin ..	\$40.00	\$160.00
(ii) Pengiring Adat ..	20.00	144.00
Jumlah ..	\$60.00	\$304.00
	=====	=====

Catatan.

Adat Luak Gunung Pasir tidak bertanggung jawab jika penganutnya menerima atau memberi hantaran dalam nikah-kahwin. Ini adalah tanggung jawab dan budibicara antara dua pihak.

Ini adalah menepati perbilangan Adat:

Muafakat lalu dalam gelap, Adat lalu di tengah terang. Taarif hantaran adalah dalam bentuk wang ringgit, barang kemas, persalinan atau lain-lain barang.

Adat Penghulu Luak, Dato' Dato' Lembaga dan Buapak Luak Gunung Pasir.

(i)	<u>Kadar Sekarang</u>	<u>Kadar Baru</u>
(i) Penghulu Luak	\$14.00	\$56.00
(ii) Lembaga	7.00	\$28.00
(ii) Buapak	3.50	\$14.00

Catatan.

Perbilangan Adat ada menyebut:-

- Sekecil kecil anak Penghulu sama taraf nya dengan Lembaga;
- Sekecil kecil anak Lembaga sama taraf nya dengan Buapak.

Ini bermaksud bahawa didalam Adat di nyata kan anak Penghulu Luak atau anak Lembaga tidak boleh disuruh menjemput Pengantin, membawa Tepak atau Bujang Enok atau bertating.

Pecahan Pengiring Adat.

1. Kahwin Biasa:-

(i) Agehan kepada Buapak	..	\$14.00	
(ii) Agehan kepada Waris Posoko	..	10.00	
(iii) Agehan kepada Orang Semenda	..	<u>20.00</u>	
			\$44.00
			=====

2. Kahwin Bersalahan - Ganda.

(i) Agehan kepada Lembaga	..	\$56.00	
(ii) Agehan kepada Buapak	..	28.00	
(iii) Agehan kepada Orang Semenda	..	40.00	
(iv) Agehan kepada Waris Pesoko	..	<u>20.00</u>	
			\$144.00
			=====

Catatan.

Kahwin Bersalahan salah.

Taarif kahwin bersalahan salah ada lah seperti merumahan, perempuan pergi mendapatkan laki laki, tangkap basah (kawat) atau lain lain sebagainya.

(Handwritten signature)

Dato' Orang Kaya Mempasir Sitiawan,
(Dato' Manser bin Gampar)
Penghulu Luak Gunung Pasir,
71550 Sri Menanti, N.S.

Nikah Luar Adat. Maka didalam luak ini ada juga dibuat nikah kahwin yang tiada mengikut adat iaitu dengan mengikut kesukaan hati ibu bapa perempuan sahaja dan tiada lah mengikut syarat peraturan pinang meminang dengan menghantar cincin dan memberi tahu Buapak serta Lembaga. Maka perbuatan itu dilarung oleh adat dan ibu bapa perempuan boleh ditukar dengan sabentuk cincin emas dinilai berharga \$60.00 sekarang.

Nikah Kahwin Yang di-Larang oleh Adat. Bahawa dengan sesungguhnya pantang larang ini jika lau saorang anak buah kadim nikah sama janda bapa saudara nya yang kadim, iaitu saudara pada ibu nya. Demikian juga jika adek nikah sama janda abang nya atau abang nikah sama janda adik nya. Maka hukum nya mengikut adat diatas orang lelaki itu yang membuat salah tiada boleh menerima jawatan aturan adat pesaka.

Maka pantang larang jua saorang lelaki nikah dua perempuan didalam satu suku. Kesalahan ini dinamakan sumbang salah dahaga dahagi iaitu seperti pepatah Adat: 'Sebata, enau dua sigai, Pelesit dua sekampung, satu diberi dua ditarek'.

Maka hukum nya bagi kesalahan itu tiada lah boleh orang lelaki itu menerima jawatan aturan pesaka dan lagi perempuan yang kedua tiada boleh menerima tanah pusaka hingga keturunan nya.

(ii) Maka pantang larang juga jika saorang lelaki nikah sama perempuan suku nya sendiri. Kesalahan itu dinamakan 'sumbang salah dahaga dahagi' iaitu menderhaka kepada suku nya. Maka hukum nya tiada boleh lelaki itu menerima atau dilontek kejawatan aturan pesaka dan perempuan itu tiada boleh menerima pesaka hingga keturunan nya dan dikeluarkan kedua nya dari lingkungan Lembaga dan Luak Penghulu nya.

Maka jika didalam lingkungan Lembaga berlaku nikah sewaris iaitu kahwin sama satu suku dinamakan 'sumbang salah dahaga dahagi' iaitu seperti pagar makan tanam tanaman. Maka mengikut adat dibuang kedua nya seperti pepatah; 'Hidup tidak dipelihara, mati tidak bertanam, Harta diambil, tuan nya dibunuh'. Maka silelaki dan perempuan tiada boleh menerima pesaka demikian juga saudara saudara nya yang saibu dengan nya seperti pepatah 'Tebu busuk saruas dibuang saruas'. Akan tetapi jika cerai lelaki itu dan mengaku kesalahan kepada Lembaga nya seperti pepatah 'Salah makan dimuntahkan, Salah patuk diketai kan, Salah bajang jalan balek kepangkal jalan, atau pun sumbing dititek patah ditegang' iaitu mengaku membela adat pusaka nya. Maka dihukum dengan jaman iaitu saekor kerbau, beras lima puluh gantang dan membayar membayar mas dua puluh (dahulu tujuh ringgit lima puluh sen). Apabila telah berjema' baharu lah mereka boleh balek duduk di rumah sajanjar makan sapinggalan dengan waris nya dan boleh menerima pesaka waris nya.

Bercerai laki-bini. Bahawa jika saorang lelaki hendak bercerai maka hendak lah ia menjemput dan memberi tahu Tempat Semenda nya supaya disisat atas segala harta kodu laki-bini itu mengikut pepatah; Ceri bahagi, dapatan tinggal, membawa kembali'. Maka apabila telah selesai bahagian itu baru lah boleh bercerai mengikut pepatah; 'suarang berageh, sekutu belah'.

Maka pulang lah si lelaki kepada suku nya dan anak anak nya tinggal kepada janda nya. Maka boleh anak lelaki itu memberi belanja diatas nafkah anak nya dengan kesukaan nya. Jika ia mengengkar diatas belanja maka perempuan itu dengan waris nya tiada upaya memelihara kan anak itu boleh lah perempuan itu memberi anak nay itu kepada silelaki. Maka terpeksalah silelaki itu mengambil dan memelihara kan sehingga cukup umur. Kemudian dari pada itu terpulang lah anak itu pada saku nya.

Kematian isteri. Bahawa apabila perempuan mati, dijemput siloleki (duda nya) balek pulang kepada suku nya, dan disiasat diatas segala harta kedua nya mengikut pepatah 'cicir dipungut, hilang dicari' maka dibahagi harta mengikut pepatah 'Cari bahagi, dapatan tinggal, pembawa kembali'. Maka setelah selesai pembahagian maka pulang lah siloleki kepada suku nya seperti pepatah: 'Anak buah pulang kepada ibu bapa nya, waris pulang kepada suku nya, suku pulang kepada tua nya, atau pun 'Belut pulang ka lumpur, sireh pulang ka gagang, pinang pulang ka tampuk'.

Kematian laki. Shahadan lagi apabila lelaki mati, dan telah lepas edah janda nya maka dihantar tanda batang tubuh lelaki itu kepada waris nya iaitu selengkap pakaian dan tikar bantal. Maka disiasat diatas harta kedua nya, jika ada pembawaan dipulang kan kepada waris siloleki itu dan lain lain harta ditinggal kan kepada perempuan simati mengikut pepatah 'Hidup bersuarang, mati bersudah'.

Menyelamatkan kematian. Maka apabila mati salah seorang diantara laki isteri hendak lah diselamat kan orang mati itu, jika siloleki oleh isteri nya dan jika perempuan oleh laki nya mengikut pepatah; 'Hidup dipelihara, mati ditanam', iaitu hendak lah membuat kenduri pada hari dikubur kan, meniga hari, dua kali tujuh empat puluh hari dan saratus hari.

Kematian Meninggal kan Anak. Maka segala anak nya dimiliki oleh suku ibu nya dan jika ibu nya mati dipelihara oleh saudara sekadim nya. Ada pun anak nya itu tiada boleh menuntut atas harta pembawa bapa nya. Dan lagi apabila ibu nya mati segala harta carian dan harta dapatan mati terpulang kepada anak nya. Maka peraturan bahagian hartanya, segala tanah pusaka terpulang kepada anak perempuan dan anak lelaki itu boleh menuntut di atas harta lain lain seperti kerbau, kambing dan barang, barang pakaian laki laki seperti keris dan senapang melain kan rumah, barang barang peremasan dan lain lain pakaian perempuan, iaitu terpulang kepada anak perempuan semua nya.

Peraturan Adat Tanah Pusaka.

Sabarmula maka tanah pusaka itu ialah tanah kampung dan sawah turun menurun dari zaman nenek moyang dahulu. Jika salah seorang daripada suku mengambil tanah kampung atau sawah baharu, tiada lah terpaksa ia memasukkan tanah itu kedalam bilangan tanah pesaka, lengkungan lembaga nya melain kan dengan kesukaan nya sendiri maka boleh lah ia menjadi kan tanah pusaka dengan syarat memberi tahu kepada Lembaga nya.

Bahawa ada lah tanah tanah pusaka didalam luak dipunyai oleh satu masing masing yaitu waris perempuan didalam jagam Lembaga serta ibu bapa nya. Jikalau putus waris sasasatu suku dalam luak Penghulu maka tanah yang tertinggal oleh suku dinna kan pesaka gantung. Maka tanah pusaka gantung itu dilelong diantara suku suku yang lain didalam luak Penghulu itu dan harga nya terpulang kepada 'Baitul Mal'. Maka tuan tuan tanah pusaka itu tidak boleh menjual atau menggadai tanah nya, kerana membayar hutang yang terbit daripada kelakuan yang ma'asiat, seperti minum arak, main judi, berginiah dan sabagai nya, melain kan membayar hutang bersangkutan dengan perbelanjaan naik haji, menuntut ilmu, kematian dan nikah kahwin. Disebab kan hutang itu sahaja boleh dijual atau digadai tanah pusaka. Maka hendak lah sakadim nya tolong membantu tuan tanah pesaka itu menyelesaikan kan hutang nya supaya tanah nya tiada terlelong atau terjual atau tergadai. Pepatah adat nya: Yang lemah ditapang, yang condong ditungkat'.

Dan lagi jikalau tuan tanah bersawah lebar tiada daya upaya menjaga atau memelihara nya lagi maka boleh lah ia menjual tanah nya mengikut peraturan Adat.

Sekadim lagi tanah pesaka it hendak lah tuan nya tekeir harga nya dengan sacukup nya. maka orang yang boleh membeli nya ia lah sakadim nya, dan jika sakadim nya tiada suka, waris nya dan jikalau tiada waris yang suka baharu lah boleh dijual kepada suka yang lain. Sakira nya jikalau tanah itu dibeli oleh sakadim nya maka hendak lah ia menjual dengan separuh harga nilai. Jika diambil oleh waris atau suku yang lain hendak lah dijual dengan harga nilai yang penuh. Maka pada masa menjual tanah pesaka hendak lah diada kan dua orang saksi, yang pertama Lembaga tuan tanah itu dan yang kedua ibu bapa (Dusapak). Maka apabila mati tuan tanah pesaka hendak lah tanah pesaka nya diturun kan kepada sakadim perempuan nya, iaitu anak, adek beradek, sanak ibu, sanak datok, sanak moyang dan waris. Yang dikata kan waris itu ialah suku tanah yang mati itu ada nya. Jika sekiranya sasorang mati tiada meninggalkan anak perempuan, ia nya anak laki laki sahaja, boleh lah anak lakilaki itu mengambil hasil tanah pesaka ibu nya selama hidup. Apabila mati nya pula terpuang lah tanah pesaka itu kepada sakadim nya dan jika tiada sakadim kepada waris nya.

Peraturan Menarek Anak Perempuan. Behawa sa seorang perempuan didalam luak yang tiada beranak perempuan maka boleh lah ia menarek anak perempuan saudara sakadim nya atau anak waris nya buat anak sendiri iaitu yang akan membela dia pada masa tua nya dan menerima harta pesaka nya. Maka hendak lah ia mengambil anak saudara sakadim nya terlebih dahulu iaitu seperti sanak ibu, sanak datok, sanak moyang, kemudian waris nya. Jika diambil anak saudara nya maka hendak lah memberi tahu Dusapak serta Lembaga nya dan jika anak waris hendak lah diterangkan kepada Dusapak serta Lembaga nya dengan membuat ~~kanan~~ saekor kambing.

Dan lagi jika menarek anak daripada lain suku hendak lah membuat jamuan saekor kerbau, beras lima puluh gantang, mas dua puluh kepada Lembaga sebahara kepada Penghulu nya. Dan pada masa berjamu itu diada kan pula bercecah darah diantara budak yang ditarek itu dengan sakadim yang menerima nya. Maka perempuan yang dikadim kan itu tiada lah boleh menuntut harta pesaka ibu nya sendiri kerana talian uku nya telah putus. Maka tiada dibenar kan menarek anak daripada lain suku selain kan tiada yang boleh ditarek didalam suku nya sendiri. Maka anak terek daripada lain suku itu boleh lah menerima harta pesaka dan jawatan pesaka. Peraturan keluar suku juga ada kaitan.

Sekadim lagi didalam luak ini lagi jua orang menarek anak daripada lain bangsa seperti anak cina dari semenjak kecil nya. Maka mengikut adat, anak terek daripada lain bangsa itu tiada boleh menerima tanah pesaka kerana dia bukan ~~daripada~~ darah orang Melayu, sungguh pun diakui akan dia dan dia boleh menerima harta carian sahaja. Jika tiada harta carian maka diberi akan dia wang oleh waris yang menerima harta pesaka ibu angkat nya sebagaimana yang dipatat kan oleh Lembaga nya.

Maka pada zaman dahulu, jika menarek anak dari pada lain bangsa, dibeli kan dia tanah bagi hak nya sendiri akan tetapi pada masa ini oleh sebab Undang Undang Tanah kawasan Melayu, tiada boleh diikut lagi seperti itu dan anak itu tiada lah boleh menerima tanah lagi,

Kawin Sesuku yang di Boleh kan.

Luak Ulu Muar.

1. Sri Lemak Pahang - Lembaga: Dato' Baginda Maharaja
Perut: Kampung Tengah } Diboleh kan dengan anak buah
Muar } Dato' Bangsa Balang perut Kampung
Kuala Parit } Juar, Pilah, Parit dan Muar.
Pelangai, dan }
Pilah }
2. Biduanda Sungai Ujung - Lembaga: Baginda Raja
Perut: Kampung Terap } Diboleh kan bernikah dengan
Melang } anak buah Baginda Jawa. Tidak
Pilah Tengah } boleh dengan Biduanda Waris.
3. Biduanda Jawa - Lembaga: Dato' Penghulu Dagang.
Perut: To' Berembun } Diboleh kan dengan anak buah
To' Gaung, dan } Baginda Raja, Biduanda Sg. Ujung.
To' Panjang Kuku } Tidak boleh dengan Biduanda Waris.
4. Sri Lemak Minangkabau - Lembaga: Orang Kaya Muda, Lembaga *ma*
nujud dalam tahun 1840, ~~perut~~ ^{perut}
anak buah, Dato' Senara Muda.
Perut: Tanjung, } Diboleh sesama sendiri *antara biduanda*
Ampang Serong, } *perut di antara anak buah Senara Muda*
Pulau, dan }
Parit }
5. Mungkal - Lembaga: Sri Maharaja *Lembaga nujud dalam tahun 1840, ~~perut~~ ^{perut}*
perut di antara anak buah Senara Muda
Perut: Kiri Mudek Sg. Pilah } Diboleh kan *sesama sendiri*
Kanan Mudek Sg. Pilah } *Mungkal di dalam perut di antara*

Luak Jempul - Tiada.

Luak Gunung Pasir - Lembaga: Dato' Paduka Sri Maharaja

- Perut: Pulau Besar, } Diboleh kan bernikah diantara
Bt. Lintang, dan } Nesan Tinggi dan Bukit Kepong
Nesan Tinggi } sahaja.

Luak Terachi.

1. Sri Lemak Pahang - Lembaga: Sri Amar Raja.

- Perut: Padang Besar dan } Diboleh kan dengan anak buah
Beringin Tengah } Baginda Maharaja dan tidak
dengan anak buah Bangsa Balang,
Kedua dua nya Luak Ulu Muar.

2. Sri Lemak Pahang - Lembaga: Dato' Amar Penghulu.

- Perut: Kg. Gudang } Tidak boleh bernikah sama sendiri
Tg. Limau, dan } Diboleh kan bernikah dengan anak
Tg. Leban } buah Dato' Baginda Maharaja sahaja
didalam Luak Ulu Muar.

Ganti Tikar. Bahawa jika sasaorang laki laki kematian isteri dan ada mempunyai harta dan anak telah dilazim kan untuk dirunding kanti bernikah dengan adek atau kakak ipar nya. Maka gelaran ganti tikar itu dipakai apabila berkahwin dengan adek atau kakak ipar saibu dan sebara dengari isteri nya dan pada saudara yang lain tiada dipakai, akan tetapi didalam luak Johol gelaran itu dipakai apabila kahwin dengan saudara sanak ibu, sanak datuk, dan sanak moyang kapada bekas isteri nya.

Kematian Dato' Lembaga. Apabila sasaorang Dato' Lembaga mati maka berdiri lah adat kebesaran seperti membalut tiang dengan kain anika warna dan memasang alat kebesaran nya. Batang pinang direbah kan untuk dibuat osongan untuk membawa jenazah ke kubur dan daun dedap mengeras dipetik untuk pembungkus duit sedekah dan bedil lelamat dibunyi kan.

Sedekah simati. Bahawa didalam peraturan adat perpateh telah lazim daripada zaman dahulu kala mengeluarkan sedekah dengan wang apa bila sasaorang yang menyandang pesaka mati dan bayaran sedekah ini tertanggung diatas isteri nya menyoburne kan. Demikian pula apabila bapa, emak, isteri dan mertua lelaki dan perempuan nya mati, maka tertanggung lah bayaran itu diatas orang yang menyandang pesaka adat itu. Maka orang yang wajib mengeluarkan kan sedekah masa mati nya berhak pula menerima sedekah apabila mereka merela itu menziarahi simati yang tertentu mengeluarkan sedekah adat itu. Ada pun orang orang yang wajib mengeluarkan kan dan menerima sedekah adat apabila salah saorang dari nya mati ada lah seperti dibawah:

1. Undang	..	enam buku	..	\$1.50
2. Isteri Undang	..	" "	..	1.50
3. Bapa Undang	..	tiga "	..	75 sen
4. Emak Undang	..	" "	..	75 "
5. Metua laki laki Undang	..	dua "	..	50 "
6. Metua perempuan Undang	..	" "	..	50 "
7. Lembaga	..	" "	..	50 "
8. Isteri Lembaga	..	" "	..	50 "
9. Bapa Lembaga	..	" "	..	50 "
10. Emak Lembaga	..	" "	..	50 "
11. Metua lelaki Lembaga	..	" "	..	50 "
12. Metua Perempuan Lembaga	..	" "	..	50 "
13. Waris Undang	..	tiga "	..	75 "
14. Buapak	..	satu "	..	25 "
15. Besar Waris	..	" "	..	25 "
16. Baginda Raja	..	tiga "	..	75 "

(Alupn sembah)

Maka mengikut bilangan Lembaga dan Buapak didalam satu satu luak tentu lah banyak wang dipakai bagi sedekah akan tetapi tiada laim semua nya hadir kerana tempat tempat mereka kebanyakan kan jauh diantara satu dengan yang lain akan tetapi diatas kematian Undang memang banyak lah belanja wang sedekah adat itu.

Adat yang tiada lagi dipakai pada masa ini.

- (a) Perlantekan Pawang;
- (b) Mengada kan Mudin dan Bidan; dan
- (c) Adat Menyembelih kerbau.

Untuk pengetahuan umum sahaja dinyatakan seperti berikut:

Pawang. Maka didalam luak Penghulu dilantek seorang Pawang bagi ketua-an pertahanan padi. Maka Pawang itu dilantek dengan kebulatan anak buah serta Lembaga dan disembah kan kepada Penghulu. Maka orang yang bersawah memberi padi kepada Pawang itu pada tiap tiap tahun bagaimana yang ditetapkan kan oleh Lembaga nya dengan kebulatan anak buah nya.

Mudin dan Bidan. Maka didalam lingkungan Lembaga itu diada kan Mudin serta Bidan bagi pengunaan ramai. Maka pilihan itu diada kan dengan kebulatan anak buah nya serta ditetapkan bayaran pada tiap tiap pekerjaan bersabit dengan tugas nya. Maka jika mereka itu melanggar apa apa peraturan maka jawatan nya nescaya dipecat oleh Lembaga nya.

Adat Menyembelih Kerbau. Maka adat menyembelih kerbau didalam luak ini ialah pada hari beradat seperti hari mulai puasa, hari raya puasa dan hari raya haji pada empat tempat sahaja yaitu di Istana Raja, dibalai Penghulu, dirumah Lembaga dan Masjid. Maka barangsiapa mengengkar kan salah pada adat. Maka peraturan ini telah banyak berubah kerana selalu didapati orang menyembelih kerbau pada tempat tempat yang lain daripada tempat tersebut. Oleh itu maka nampak nya mereka mereka enggan daripada memberi bahagian kepada Lembaga, pegawai pegawai Masjid dan lain lain ketua kampung yang ditetapkan kan oleh Adat.

Melenggang Perut. Apabila seorang perempuan yang telah kahwin itu mengadakan kali pertama nya, dipanggil kan nya 'bunting sulung' dan bila kandungan nya sampai tujuh bulan maka diada kan satu istiadat 'Melenggang Perut'. Istiadat ini bila nya dibuat pada bulan turun idit akhir bulan diantara dua puluh hingga tiga puluh hari bulan. Pada hari yang ditetapkan kan, ibu sudi menyediakan kan barang barang seperti tersebut dibawah untuk dibawa kerumah perempuan;

1. Kain putih sakabung (2½ ela).
2. Beras sagantang.
3. Minyak kelapa sabotol.
4. Kelapa dua biji.
5. Ayam saekor
6. Sebuah semerit berisi pulut kuning dan kueh cucur.
7. Tempat sireh berisi kah saratus helai daun sireh lengkap dengan kapur, gambir, pinang, tembakau danduit empat puluh dua sen. (Wang ini ini sekarang telah di tambah hingga sampai dua ringgit. Semua nya di dalam bentuk wang syiling sepuluh sen).

Dirumah perempuan itu pula disediakan kan dua buyung ayer tolak bala yang telah dijampi kan oleh alim ulama, sebuah kelapa muda yang siap dikubur, tempun tawar daun sedingin, daun ati ati, daun cipuleh, beras besah bercampur kunyit dan wang syiling 10 sen.

Kain putih diguna kan oleh bidan membusi kan atau melenggang perut perempuan itu dan minyak kelapa untuk mengurut perut nya. Kemudian diambil pula sahelai baju melayu suami untuk dikubur kan kaperut serta direnjis kan dengan tempuntawar. Sesudah itu dibawa pula kedua suami isteri kaperigi untuk dimandi kan dengan ayer tolak bala dengan seorang satu buyung. Perbuatan semua ini ialah sebagai membuang mala petaka dan menolak segala bala. Setelah selesai semua nya maka diada kan pula istiadat berbesan yaitu menyambung erat tali persaudaraan diantara kedua belah pihak.

SENIKATA MEMINANG.

(a) Senikata Pembukaan.

Kedatangan saya kali pertama datang berjalan jalan, kali kedua luar biasa, maka ditengok pula tempat diri saya turun dari rumah yang berkotak tangga maka saya langkah kan lah tangga yang bongsu, maka saya seru kan lah untung baik dan untung jahat, malang melambung untung menimpa maka sampai lah saya kakampung yang bersudut dan rumah yang berkotak tangga disini. Maka tangga sudah saya jingkat, tikar pun saya duduki; kata orang tua tua, bertanya lepas penat, berunding lepas makan, sekarang penat pun dah lepas, makan pun sudah jadi nya kemana lah saya nak berunding, bak kata:

Pokok mengkudu ditengah padang,
Urat tunjang dalam lembah,
Mohon saya kapada datuk nan godang,
Kemana saya memohon sembah.


(b) Senikata Menghantar cincin.

Sederet bendul ditepi, sederet bendul ditengah, saenggan tulang bumbungan, kecil ta' tahu nama, godang ta' tahu gelar, terbilang tidak teratap pun tidak maka saya mengemasi resap sembah saya ampunya sembah;

Enau kecil panjang pelepah,
Ta' dapat dirunduk runduk kan,
Saya nan kecil berdatang sembah,
Kalau salah tolong lah tunjuk kan.

Asal kata sejak perbilangan, tau nan kechik dek nan godang, tau nan godang dek nan tua. Tatkala buluh bilah ditanam, besi berdenting, puntung berasap sengenta hitam gagak, puteh nenek gadis datuk bujang, sezaman itu lah terbit nya adat semenda menyemenda. Kemudian daripada itu sehelai akar ditetas akan pengikat sebatang kayu nan ditebang akan pelintang tanah nya datar ayer nya jerneh padi pun menjadi negeri sentosa. Duduk dalam raja beralam, duduk dalam Penghulu berluak, duduk dalam suku bertua. Kemudian daripada itu, negeri dah lebar, orang dah ramai, adat bertentu bilangan beratur duduk dalam suku duabelas. Kok pandang kahulu pucuk ta' terampai, kok pandang kahilir batang ta' terlintang maka diada kan lah adat semenda menyemenda. Kemudian risek yang berdesus, orang kaorang, duai yang merangkak, dekat rumah dekat kampung; jauh dijemput dekat dikampung kan, cincin sabentuk akan penanya emak ayah nya. Esa sekata kata dikembali kan; ta' esa sekata benda dikembali kan. Berjawab tidak kata sudah berjawab maka ini lah berupa sabentuk dua cincin untuk pengikat tali pertunang diantara anak buah datuk dengan anak buah saya.

Datar Gunung Kari Mempasir Sitianan,
(Dua Man or bia Giampam)
Penghulu Luak Gunung Pasir,
JASSO Sari Menganti, N.S.



Senikata Jawapan dari pihak yang menanti;

Hidup berpeuntungan mati bergemulah, hidup dikandung adat mati dikandung tanah. Duduk dalam anak buah semendan menyemenda. Tempat yang baru menepati ipar lamai, tempat yang dah lama menqada kan anak pinak, pertama sianak laki laki dan kedua sianak perempuan. Untung sianak laki laki dicari cari kan; untung sianak perempuan dinanti nanti kan.

Risek yang berdesus orang keorang, duai nang merangkak bak pikat saekor ekor, bak angin sepoi sepoi. habis risek habis desus maka bertemu lah pangkal dengan pangkal, dek saya peti bernian, menerima saja lah. Esa sekata kata di kembali kan, esa ta' sekata benda dikembali kan. Undang undang adat berkata enam iaitu orang meminang tanah berani, berani surut berani lalu, berani lambat berani cepat, berani beralek berani ta' beralek.

Mengembang Cincin.

Senikata Orang Semenda berhadapan dengan Buapak.

Maka ditengok serantau saya yang seresam berkebulatan pula waris pesoko pada hari yang sahari ini berkebulatan pula menjemput yang seadat yaitu Pa' Long, Pak Ngah semua; kok jahh pun dah dijemput kok dekat pun dah dikampong kan; per-bilangan adat berkata 'bertanya lepas penat, berunding lepas makan' maka sekarang penat dah lepas makan pun sudah maka dek saya nak menyampai kan khabar yang sepatah.

Ada lah Orang Semenda itu ~~xx~~ ia lah saperti peti bernian, dinding tasak mata telinga kapada orang Tempat Semenda; petang menutup, pagi melepas kan, siang memandang kan, malam mendengar dengar kan, maka dalam sahari dua ini, kami telah menerima sabentuk/dua bentuk cincin pengikat tali pertunangan anak buah datuk, maka ini lah cincin nya disah kan atau dibatal kan oleh datuk.


Senikata Jawapan Buapak.

Hidup perpeuntungan mati bergemulah, hidup dikandung adat mati dikandung tanah, duduk dalam anak buah semenda menyemenda. Tempat yang baru menepati ipar lamai, tempat yang lama mengada kan anak pinak; yang pertama sianak laki laki dan yang kedua sianak perempuan. Untung sianak laki laki dicari cari kan, untung sianak perempuan dinanti nanti kan. Risek yang berdesus orang ka orang, duai yang merangkek bak pikat saekor ekor, bak angin sepoi sepoi, habis risek habis desus maka bertemu lah pangkal dengan pangkal maka dek saya menerima saja lah, maka kembali kan kata yang esa dan buat lah janji bila nak disudah kan dan paras mana olek atau khenduri akan dibuat.

Senikata ini boleh jua dialeh kan saperti berikut:-

Nampak nya yang terpelanggong akan jatuh, liang akan tembuk, genting akan putus, yang terbengkalai nak disudah kan, bila kah hari akan dibuat dan paras mana olek/khenduri akan dibuat, lopan ke, lereng ke atau bukit ke. (lopan itu bermaana bawah paku rebung iaitu lauk sayur sayuran; lereng itu paras menyembeleh kambing dan bukit itu paras menyembeleh kerbau atau lembu).

Apabila kata berjawab, Buapak akan menentu kan hari berkampung untuk membuat pepalas, persediaan tempat masak memasak saperti bak kata 'ayer nang disauk, ranting kan patah, tungku dicekah, beras dibasuh, kerbau kan ditambang, bedil lelamat akan dibunyi kan'.




Senikata Menjemput Pengantin oleh Orang Semenda.

Kita duduk berpeuntungan mati begemulah. Dekat rumah dekat kampung, duduk bersuku semenda menyemenda. Tempat yang baru mengada kan ipar lamai dan yang lama mengada kan anak pinak. Kalau begitu saya ini telah menjadi dinding tasak mata telinga kapada Tempat Semenda, disuruh pergi dipanggil datang. Jadi singgah lah pada petang ini yang diharus kan oleh Tempat Semenda bagi saya menjemput anak buah datuk dengan adat berserta orang nya.

Senikata ini boleh juga di rengkas saperti berikut:

Saya ini umpama umur baru belukar muda, umur belum satahun jagung, darah pun belum setampuk pinang, kalau begitu saya ini di ibarat kan pisang; kupek kulit ambil isi nya atau singkap daun ambil buah nya. Turun dari istana mejunjung titah, turun dari balai yang panjang mejunjung sabda, kalau begitu saya ini turun dari kampung laman yang sesudut, rumah yang berkotak tangga, sawah yang berjenjang, daharus kan oleh Tempat Semenda pada petang ini menjemput anak buah datuk dengan adat berserta orang nya.



Senikata Buapak mengisi Adat/Mas Kahwin.

Sezaman alam terbuka, selambang tanah melayu, selilit pulau perca, mehelai akar yang putus, sabatang kayu yang ditetak, sabingkah tanah yang terbalek, tunggul belpe~~ra~~asan, resap berjerami, yang terpendam dikubur kan. Kita terima dua di-antara laki laki atau pun perempuan. Kalau mati ditanam di-kira hari nya. Kalau hidup dikandung adat. Kalaut munuju alur kadarat menuju benar, benar bersua ta' boleh disiah kan. Kecil didenak denaikan diambil dipangku, sudah besar jika perempuan diserahkan kan belajar menganyam menjahit menekat dan mengaji. Jika lelaki diserahkan ke mengaji. Untung anak lelaki dicari cari kan; untung anak perempuan dinanti nanti kan.

Maka ada lah risek yang berdesus, duai yang merangkak, bak angin sepoi sepoi, bak pikat saekor ekor, habis risek habis desus bertemulah pangkal dengan pangkal, ditanda rupai lah anak buah datuk oleh anak buah saya dengan sabentuk cincin menanya emak ayah nya. Kemudian dijemput lah tempat semenda minta disah batal perbuatan nya. Yang jauh dah sampai dan yang dekat dah datang maka dikeluarkan kan barang itu pada tempat semenda minta disah atau dibatal kan.

Maka disah kan oleh orang Tempat Semenda nya akan perbuatan Orang Semenda nya, lalu disuruh orang semenda nya membalek kan kata pada anak buah saya dan janji pun dibuat.

Janji ditetak dimulia kan, dalam janji dagaduh kan, sampai janji ditepati. Jadi nya pada hari ini sampai lah janji, kalau begitu ini lah dia adat anak buah datuk sabanyak ~~/~~..... ringgit.

Senikata Menjemput Suami kematian Isteri.

Luak berpenghulu Alam beraja, aur sarumpun ditengah negeri, urat sampai kapucuk, menengok pohonan tali, tengok jala kapucuk nya. Usul usul asal asal, asal jangan ditinggal kan, hujan berpohon kata berasal, sakit bermula mati bersebab. Enau berpangkat turun, pulai berpangkat naik, manusia berpangkat pangkat zaman berzaman, sezaman Datuk sialang berlantak besi, bertikar daun lerek, berdastar daun terap, berbantal banir durian. Kalaut Datuk Temenggung tempat perahu nang hilir mudik, dayung nang berketimbok, galah nang sandar menyandar. Kalau kadarat Tok Merpateh, tempat siamang bertepuk tempat ungka berbunyi pagi, sedengkang sedengkang berbunyi malam, ayer melurut disungai yang jernih, negeri lebar orang nya ramai, Raja memerintah alam, Penghulu memerintah luak, tempat suku memerintah kan lingkungan, duduk bersuku dua belas. Pandang kahulu puchuk nya ta' terhampai, pandang kahilir batang nya ta' terlintang.

Kemudian daripada itu dibawa angin sepui sepui, dibawa lalat saekor ekor, kalau hukum tidak mengambat, adat tidak menentang makan habis kata sudah. Janji haiwan padang nya teguh, jauh dijemput dekat dikampung kan, adat di isi nikah diperolehi. Untung diseru dalam negeri, bulan ta' ditentu, tahun ta' dibilangkan. Kemudian daripada itu untung melambung malang menimpa, sengkak langkah pendek umur. Jauh sudah dijemput dekat sudah terkampung, jenazah ditanam hari dibilangkan hari yang ketiga, sampai lah janji maka datuk pun bulat, saya pun ada, maka ada lah kok sireh barang secarek, buah tangan barang sabuah ia lah isyarat saya menjemput waris pesoko dengan pesaka nya, ibarat sireh nak pulang kegagang, pinang nak pulang katampuk, anak buah nak pulang kabuapak nya bak kata:

Putus tali sempit angkut,
Punca mana nak diletakan,
Ayah nya hendak dijemput,
Anak mana nak ditinggal kan.
Putus tali sempit angkut,
Mari diletak diatas para,
Ayah nya hendak dijemput,
Anak sama sama dibela pelihara.

Senikata ini boleh juga direngkas kam saperti berikut:

Kalau untung melambung malang menimpa, mati isteri, kalaut pecah perahu kadarat pecah periuk. Nampak nya ini ada lah pecah periuk. Cicir dipungut hilang dicari. Ibarat sireh nak pulang kegagang; pinang nak pulang katampuk, belut nak pulang kalumpur, anak buah nak pulang ka Buapak. Kalau bagitu kedatangan saya ini ialah menjemput anak buah saya yang tersandar ditiang panjang rumah anak buah datuk.

Lembaga berkahwin. Ada pun Lembaga atau anak nya hendak berkahwin maka dipanggil nya Buapak sabelah perempuan serta Buapak nya sendiri untuk mengurus kan perkahwinan dari mula hingga akhir. Setelah semua nya selesai dengan tiada apa apa halangan akan membayar adat nya setengah bahara kepada Buapak perempuan yang di kehendaki nya itu disamping Mas Kahwin biasa. Wang setengah bahara itu dinamakan Tanda Pusaka Lembaga bagi makanan Lembaga dan Buapak supaya dibela pelihara oleh Lembaga dan Buapak sabelah perempuan akan pesaka nya.

Upacara Kematian Suami. Jika sisuami kematian isteri maka pada lagim nya hari kenduri meniga hari, ataupun dihari hari memujuh, dua kali memujuh atau pun empat puluh hari maka datang lah Buapak dan keluarga sisuami dengan dua orang anak dara membawa tepak sireh. Buapak yang datang itu berhadapan dengan Buapak yang menanti serta berkatasaperti senikata yang ada disebutkan (leboh kurang) dimuka 28.

Apabila kenduri telah selesai maka rombongan itu pulang lah karumah masing masing dan ini bermaana sisuami yang malang itu telah dijemput oleh keluarga nya dan pada satu hari kelak ia nya akan meninggal kan rumah bekas isteri nya dan balek tinggal ditempat asal nya yaitu dirumah ibu bapa atau sanak saudara nya.

Upacara Berkedin. Upacara itu dimula kan dengan syarat perempuan yang hendak mengambil anak angkat itu memberi tahu saudara mara nya yang dekat dan jauh hingga kaperengkat Buapak, Besar dan Lembaga nya. Sesudah dipersetujui oleh mereka semua baharu lah dijalan kan adat istiadat berkedin dengan membuat satu kenduri dengan menyembelih saekor ternakan berkaki empat. Darah sembelehan itu diambil sabanyak secawan dan darah anak angkat itu setitek pula. Pada tiap tiap perut atau pecahan keluarga dalam suku berkenaan yaitu sanak ibu 'sapupu', sanak datuk (dua pupu) dan sanak moyang (tiga pupu) diambil jua barang setitek darah dari seorang yang mewakili tiap tiap perut atau pun pecahan keluarga dan darah itu semua nya dicampurkan kadalam darah sembelehan untuk dicecah bagi semua pehak.

Alat alat kesiapan yang lain untuk disediakan kan ialah sabuah Qur'an, sabelah pisau lipat dan kain puteh sakabung (2½ ela). Tujuan Qur'an itu ialah sebagai persumpahan supaya jangan melaku kan curang terhadap perkedin itu. Sekiranya melanggar adat berkedin maka Qur'an itu akan menimpa kan bala dan mala petaka keatas nya. Maka pisau lipat itu kelak akan menjadi senjata menikam sendiri dan kain puteh sakabung itu akan menjadi kapan nya.

Bayaran berkedin atau masuk suku dibahagi bahagi kepada Dato' Lembaga, Besar, Buapak, keluarga laki laki, waris pesoko dan orang semenda. Setelah diakui sakalian maka boleh lah anak itu, apabila cukup umur, mempunyai nama atas Tanah Pesaka dan daripada anak anak nya pula boleh menuntut untuk menyandang pesaka suku berkenaan.



Upacara Mencecah Inai. Shahadan apabila Pengantin telah di-
ijab kabul kan maka selalu nya diada kan pula upacara membatalkan
kan ayer sembahyang. Kemadian pula Pengantin dan Mempelai
dipakai kan pula dengan pakaian Raja Sahari dan kemudian di-
sanding kan diatas pelamin yang dibena khas bagitu rupa.
Semawa bersanding ada kala nya dibuat kan upacara mencecah
inai. Sabelum pengantin menduduki pelamin untuk upacara
mencecah inai ini maka pengantin hendak lah terlebih dahulu
mengadap Buapak. Sakira nya ada yang berdarjat lebeh tinggi
daripada Buapak maka upacara saperti ini hendak lah dimula
kan dari perengkat atas sabagai tanda penghormatan.

Istiadat mencecah ini biasa nya dibuat didalam rumah, di-
serambi rumah atau pun dihalaman rumah. Didalam rumah ada lah
hak ibu bapa nya, diserambi rumah hak Buapak dan dihalaman
hak Lembaga.

Sabelum istiadat dimula kan, Waris pesoko hendak lah datang
mengadap Buapak dengan membawa Sireh Peminangan serta wang
sabanyak suku bahara didalam piring beralas sekira nya di-
buat di serambi rumah. Sekiran nya dihalaman rumah cara nya
bagitu juga akan tetapi wang nya ada lah setengah bahara.
Walaupun di serambi rumah ada lah hak mutlak Buapak akan tetapi
sekira nya ada pula yang berperengkat tinggi daripada Buapak
maka Buapak hendak lah berbudi bahasa kepada yang berperengkat
tinggi mendahului memula kan istiadat mencecah inai itu bagitu
juga sekira nya dihalaman rumah, maka Lembaga pun akan ber-
budi bahasa jua. Selepas itu apabila Lembaga atau pun Buapak
selesai maka barulah pula di-ikuti oleh emak bapak dan saudara
mara bagi pehak lelaki dan perempuan. Lazim nya tidak ada
disedia kan bokor kosong atau apa jua jenis pun selain daripada
Tampun Tawar, ayer mawar, beras kunyit dan inai disebelah
hadapan penganti.